

17/05/2000

Meningkatkan mutu kepemimpinan Umno

JATUH bangun dalam politik adalah perkara biasa. Tan Sri Muhyiddin Yassin yang menyambut hari lahir ke-53, Isnin lalu, ketika menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, berkata walaupun empat tahun tiada dalam kepemimpinan Umno dirasa bagaikan 40 tahun, dan tempoh itu mengajar dirinya erti sebenar perjuangan Umno. Kita ikuti apakah perasaan, rintangan, cabaran dan rancangannya untuk memantapkan lagi Umno dalam temu ramah bersama wartawan Berita Harian, Wan Hazmir Bakar.

BH: Selepas dipilih semula sebagai Naib Presiden Umno, apakah perasaan Tan Sri?

Muhyiddin: Saya bersyukur kerana terpilih sebagai salah seorang Naib Presiden Umno. Saya anggap ini sebagai amanah sungguh besar dan satu tanggungjawab amat berat yang harus saya pikul. Apa yang penting ialah memastikan kita dapat melaksanakan tanggungjawab ini sebaik mungkin.

BH: Apakah perkara yang perlu Tan Sri beri perhatian terlebih dahulu?

Muhyiddin: Ada beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian. Antaranya ialah kita mesti bekerja keras bagi menangani masalah yang dihadapi parti, keyakinan orang Melayu kepada Umno, isu ekonomi dan politik, cabaran daripada parti pembangkang serta soal membentuk budaya politik yang lebih sihat, meningkatkan nilai moral dan semangat ahli. Selain itu tanggungjawab kita ialah mengukuhkan Umno bagi memastikan Umno kukuh dan mampu menghadapi segala cabaran.

BH: Apakah pendekatan yang patut diambil bagi menangani masalah yang disebutkan?

Muhyiddin: Pendekatan yang boleh dilakukan ialah dengan menganggap pasukan Majlis Tertinggi (MT) kali ini sebagai working team (pasukan bekerja) yang bukan saja berfungsi menggubal dasar malah memastikan pelaksanaannya dijalankan dengan baik supaya diterima ahli dan turut didukung orang Melayu. Cara yang paling berkesan ialah seperti yang disaran oleh Presiden parti iaitu turun padang dengan mendengar suara hati orang Melayu berhubung masalah mereka dan isu yang berbangkit. Kita perlu dapatkan maklum balas daripada ahli mengenai cara untuk menguatkan lagi parti kita. Yang penting ialah langkah kita tidak bertentangan dengan kehendak parti dan orang Melayu dan agama iaitu teras perjuangan Umno. Adalah penting untuk meningkatkan kepercayaan orang Melayu kepada Umno. Ini banyak dibangkitkan di perhimpunan kali ini. Ini satu kenyataan yang perlu kita betulkan sungguh-sungguh. Ini harap saya dapat lakukan bersama-sama.

BH: Kumpulan sasaran?

Muhyiddin: Ya...kita juga perlu melihat kumpulan sasaran di mana masalah itu timbul, seperti pelajar, mahasiswa, tokoh ulamak, belia dan korporat. Kita perlu bertindak secara bijaksana dalam menangani masalah ahli Umno dan rakyat.

BH: Bagaimana?

Muhyiddin: Dalam soal ini saya berminat melaksanakan pada peringkat jawatankuasa yang ada di MT supaya lihat organisasi, bagaimana nak perkukuhkan, kalau perlu, adakan penyusunan semula supaya lebih rapi. Kita mempunyai ahli yang besar iaitu 2.8 juta, satu jumlah yang besar. Kita perlu perkemaskan pentadbiran dari peringkat ibu pejabat, bahagian dan cawangan. Begitu juga dengan program latihan bagi meningkatkan kualiti sumber manusia atau kepemimpinan dalam Umno pada semua peringkat. Saya lihat ini ada keperluan.

BH: Perwakilan dikatakan membuat pilihan bijak dalam memilih barisan

pemimpin baru Umno. Apa pandangan Tan Sri?

Muhyiddin: Satu hakikat yang tidak boleh dinafikan ialah perwakilan memang bijak. Mereka membuat keputusan memilih pemimpin berdasarkan kriteria dan penilaian mereka seperti rekod prestasi calon, pengalaman dan kesetiaan kepada parti. Bagi saya barisan yang dipilih adalah antara yang terbaik dalam pengalaman saya dalam parti. Ia mengadunkan pengalaman, latar belakang dan sejarah kepemimpinan. Perwakilan mungkin mahukan keseimbangan supaya segala proses di peringkat tertinggi itu mengambil kira kepentingan semua golongan. Mereka anggap ini barisan yang mereka boleh percaya. Apa yang penting ialah barisan ini boleh bekerja selain memberi imej baru kepada Umno bahawa parti kita sedia melalui proses pembaharuan atau proses penyuntikan darah baru untuk imej yang lebih segar. Ini akan menarik minat rakyat bahawa Umno boleh diberi kepercayaan.

BH: Bagaimana untuk pastikan barisan baru itu sebagai pasukan yang boleh bekerja?

Muhyiddin: Perlu ada pembahagian tugas atau pengkhususan yang dianggap utama. Seperti di peringkat Naib Presiden, apa yang boleh diberikan kepada setiap seorang di kalangan kami. Pembahagian boleh dibahagikan mengikut bidang seperti agama, ekonomi dan sebagainya atau mengikut wilayah seperti negeri di Utara, Selatan, Timur, Barat dan Sabah. Pendek kata, perlu ada jadual yang tersusun. Kita tidak boleh mengambil sikap siapa nak buat buatlah, siapa nak pergi pergilah. Kita mahukan pasukan yang lebih fokus kepada sesuatu isu tertentu serta tidak menunggu sehingga terlewat.

BH: Presiden parti selalu mengingatkan supaya ahli bersatu dan berjuang untuk kepentingan Umno. Mengapa?

Muhyiddin: Peringatan seperti itu memang penting kerana Presiden sebagai bapa kita melihat telatah kita di semua peringkat. Mungkin kerana kita sudah lama berkuasa sehingga sebilangan ahli menganggap parti itu sama dengan kerajaan dan tidak boleh dipisahkan. Tetapi sejarah membuktikan parti itu boleh dipisahkan daripada kuasa. Jika tidak dingatkan, timbul keghairahan sesetengah pihak untuk melihat kepada kepentingan diri sendiri atau kelompok tertentu bukan untuk parti. Ramai yang menyamakan jawatan dalam parti sebagai jawatan dalam kerajaan, dengan ganjaran dan sebagainya. Nilai perjuangan sebenar sudah terhakis.

Kita mesti disiplinkan diri kita, ahli kita, parti kita, termasuklah pemimpin kita. Maksudnya kita mesti berpegang kepada sesuatu piawai etika. Jika kita lihat sesuatu perbuatan kita tidak baik, kita mesti hentikan, sebaliknya jika kita lihat itu sebagai sesuatu baik, itulah yang kita lakukan. Mahu tidak mahu setiap ahli parti tidak boleh lari daripada nilai agama. Kita perlu mematuhi suruhan agama Islam, melaksanakan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang. Justeru program penerapan nilai Islam perlu diteruskan di semua peringkat membabitkan ahli dan pemimpin. Sebagai manusia kita perlu perbaharui azam kita, tekad kita.

BH: Seperti nasihat Timbalan Presiden supaya setiap ahli menganggap perjuangan mereka sebagai ibadah?

Muhyiddin: Benar, perjuangan dalam Umno adalah satu perjuangan yang suci, perjuangan yang murni. Perjuangan untuk membela bangsa dan agama memang dituntut oleh Islam, itu satu ibadah. Jika hendak melakukan ibadah, maka perlulah kita lakukan dengan baik. Antaranya ialah niat, nawaitu kita mesti betul.

BH: Tetapi ramai yang menganggap perkara itu sukar dilakukan?

Muhyiddin: Memang susah, tetapi perlu kita usahakan. Kalau kita tak ada sasaran dan kata susah, sudah tentu kita tak akan buat. Kita perlu cuba, walaupun kita tidak boleh mencapai taraf wali, sekurang-kurangnya kita menjadi makmum yang baik. Begitu juga dalam perjuangan politik.

BH: Hubungan Tan Sri dengan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, dikatakan tidak baik. Tan Sri pula tidak

menamatkan andaian ini ketika berucap seperti yang dilakukan Tan Sri Muhammad Muhammad Taib dalam kes beliau. Apa kedudukan sebenar perkara itu?

Muhyiddin: Dalam keadaan sekarang, saya fikir tidak perlu dipanjangkan perkara ini. Kita tidak seronok mendedahkan kelemahan kita di khalayak ramai, tetapi kita akui perkara itu wujud. Apa yang perlu saya sebutkan ialah apa yang perlu kita buat. Kita perlu ambil inisiatif untuk perbetul dan perbaiki kelemahan yang ada. Yang penting ialah soal kesetiaan, keiklasan dan kejujuran untuk melihat perkara itu secara positif. Bukan kita nak cari kemenangan peribadi, bukan nak kata siapa yang menang atau kalah dalam soal itu. Yang penting ialah Umno menang kerana kita hanya alat kepada parti. Tidak ada satu masalah yang tidak boleh diselesai, lebih-lebih lagi kita sekampung dan senegeri, kita tahu budaya dan latar belakang masing-masing. Saya sudah nyatakan ini waktu berbaik walau ambil masa sedikit. Kalau ada kesediaan, kesungguhan...boleh diselesaikan Ada beberapa tokoh di Johor boleh memainkan peranan sebagai bapa untuk memberi nasihat kepada anak-anak supaya rumahtangga Umno di Johor lebih harmoni.

BH: Mungkin ini agak sukar diselesaikan?

Muhyiddin: Saya tidak fikir ini sesuatu yang mustahil kerana saya tak menaruh perasaan dengki kepada mana-mana pihak. Lebih sembilan tahun setengah saya memimpin Johor melalui pelbagai pengalaman...seperti bila Umno diharamkan, kita berjaya mengatasi masalah itu. Saya pelopori usaha untuk menyatupadu semula orang Melayu di Johor dengan mengadakan perhimpunan Melayu Johor untuk cari formula perpaduan yang akhirnya melahirkan Resolusi Melayu Johor.

Kita main peranan utama masa itu kerana saya rasa bertanggungjawab. Sebagai Menteri Besar waktu itu, saya tak boleh membiarkan masalah ini berlarutan sehingga Umno Johor jadi pincang dan kekuatan Melayu tergugat. Kerana di Johorlah Umno bermula dan kita nak pertahan maruah kita dan imej kita. Saya lakukan dan saya bawa balik kawan yang keluar parti. Mereka kembali dan bertaut semula dengan Umno dan kemudian membantu memperkukuhkan Umno. Tentu kita nak lihat kekuatan itu dapat kita pertahankan. Sehingga kita berjaya menebus kekalahan dan memenangi seratus peratus.

BH: Ketika waktu pencalonan dulu Tan Sri ada membangkitkan soal syarat pencalonan yang boleh disalahguna untuk menafikan hak seseorang untuk bertanding dan mengharap perkara ini perlu dibincangkan. Sekarang bagaimana?

Muhyiddin: Ini secara prinsipnya sudah diketahui umum mengenai sistem pencalonan. Asasnya, saya faham memang ada rasionalnya kerana pada perbahasan dulu kita nak mengelakkan jawatan penting dalam parti dipertandingkan oleh orang yang dikatakan kurang kelayakan atau tidak setanding, maka itu dicadangkan diadakan sistem kuota dalam pencalonan. Tetapi apabila kita laksanakan sistem itu, kita yang pada waktu dulu tidak kita fikirkan akan menyebabkan masalah kepada beberapa bahagian.

Dulu bila kelayakan bertanding, kita tidak bangkit soal pihak lain cuba menyekat calon lain daripada bertanding. Tetapi bila perubahan sedikit masalah berlaku. Bila pencalonan ditentukan seperti 17 bahagian (minimum untuk Naib Presiden), ada pihak melihat ini perluang untuk menyekat dan halang supaya yang nak bertanding tidak dapat jumlah itu. Awal-awal lagi dia tak boleh tanding. Muslihatnya ialah orang tertentu saja boleh bertanding, mungkin lebih selamatlah dia. Itu sebagai satu teguran saja bukan kerana apa-apa atau peribadi, saya yakin rakan lain juga hadapi masalah serupa.

BH: Apa saranan Tan Sri?

Muhyiddin: Saya ingin sarankan mungkin sistem ini dihadkan kepada

jawatan tertinggi saja iaitu jawatan Presiden dan Timbalan Presiden sebagai jawatan institusi yang dianggap terhormat serta untuk elak perpecahan.

Tetapi bagi jawatan Naib Presiden, ikut sejarah ia ditanding, tak ada yang menang tanpa bertanding. Siapa nak tanding dia tanding, lagipun jawatan itu jawatan pelapis untuk memilih. Siapa nak tanding biarlah bertanding... usah disekat atau tersekat kerana tak dapat cukup pencalonan. Perwakilan akan menentukannya.

Nampaknya dengan syarat sekarang, misalnya naib Ketua Wanita, Datuk Napsiah Omar dan Tengku Razaleih Hamzah, kurang satu pencalonan...tidak dapat bertanding. Apakah mereka tidak layak bertanding? Sebagai ahli mereka sepatutnya boleh bertanding tetapi kerana syarat yang patut pertahankan jawatan pun tak boleh. Ini saya lihat sebagai tidak adil. Seperti Napsiah, penyandang pun tak boleh pertahan jawatan, awal-awal lagi sudah terkeluar. Orang boleh argue bila mereka tak dapat pencalonan kerana mereka tak terkenal tetapi biarlah mereka bertanding.

BH: Bagaimana hendak dibanteras politik wang?

Muhyiddin: Itu patut diberi perhatian. Presiden sendiri kata jika orang itu menang dan ia korup, maka kemungkinan dia tidak akan duduk lagi dalam kerajaan kerana korup sudah sebatikan dalam diri. Ada dua peringkat, satu peringatan perwakilan kita buat keputusan berdasarkan kriteria tertentu, bukan wang. Satu lagi peringkat diri. Perkara ini perlu lahir dari dalam diri masing-masing iaitu menolak politik wang.

Dalam keadaan lain, perwakilan juga mesti amalkan budaya murni supaya melihat politik wang sebagai sesuatu yang jijik yang boleh mencemar nilai perjuangan, bukan untuk dapat faedah peribadi. Ini proses pendidikan dalam politik apa lagi dalam kedudukan mereka dalam umno yang lebih kukuh tidak seharusnya jadi dorongan tidak melakukan politik wang.

Mungkin parti boleh berperanan membantu perwakilan yang datang waktu Perhimpunan Agung dengan membiayai perbelanjaan mereka supaya mereka tidak mengharap bantuan daripada calon.

BH: Ramai perwakilan menyatakan pemimpin dan ahli Umno terlalu sibuk dengan soal pengisian jawatan parti sehingga melalaikan mereka daripada tugas kepada rakyat dan mahu pemilihan di semua peringkat di adakan pada tahun yang sama. Apa pandangan Tan Sri?

Muhyiddin: Saya setuju sangat supaya ahli Umno tidak berpolitik sepanjang masa untuk merebut jawatan parti di semua peringkat. Kalau boleh kita adakan pemilihan pada tahun yang sama. Ini terserah kepada MT, mungkin Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin boleh kaji supaya tarikh mesyuarat diadakan dalam tahun yang sama. Mungkin juga ia perlu lanjutkan tempoh hayat kepemimpinan cawangan daripada hanya dua tahun sekarang kepada tiga tahun seperti hayat kepemimpinan bahagian dan MT. Sebagai contoh, peringkat bahagian akan bersidang pada tahun 2001, tetapi cawangan hanya akan bersidang semula pada tahun 2002 manakala peringkat tertinggi pula akan bersidang pada tahun 2003. Jurang di antara peringkat inilah yang perlu diberi perhatian dan diatasi. Pada dasarnya, kita setuju untuk elak banyak masa daripada terbuang dengan soal pemilihan.

BH: Dalam ucapan penggulangannya, Dr Mahathir mahu ahli parti mendekati golongan penentang secara baik, bukan secara konfrontasi. Apa pandangan Tan Sri?

Muhyiddin: Saya setuju sangat dengan apa yang disarankan Presiden dalam ucapan penggulangan beliau supaya Umno mengambil pendekatan baik dan tidak mengambil sikap berkonfrontasi. Pendekatan ini juga sejajar dengan firman Allah yang bermaksud "dengan hikmah dengan cara kebaikan, itulah pendekatan yang terbaik". Justeru, kita ambil pendekatan lebih Islamik dengan berbaik-baik dan berjumpa dengan kelompok yang menentang ini, baik mahasiswa, ulamak, ahli korporat, belia atau pegawai kerajaan. Kita kena

berdepan, bukan melarikan diri. Bila berdepan, kita boleh mengetahui reaksi mereka dan seterusnya meyakinkan mereka dan perkara ini perlu dibuat berulang-ulang kerana ia mengambil masa. Disebabkan bilangan mereka ini besar, maka tidak boleh ia dilakukan oleh Presiden seorang, semua ahli terutamanya pemimpin perlu sama-sama melakukannya.

BH: Bukankah sukar untuk meyakini mereka yang menentang terutamanya dalam isu yang orang Umno sendiri kurang yakin dengan pendirian masing-masing?

Muhyiddin: Bukan senang, saya akui ia sukar, tetapi jiwa manusia ini lembut dan boleh menerima penjelasan secara rasional. Yang menjadi masalah ialah apabila kita mengambil sikap bahawa mereka ini tidak menyokong kita dan kita patut menjauhi mereka, itu salah. Sebaliknya, kita kita perlu lihat mereka sebagai kelompok penting tetapi kurang mendapat penerangan dan maklumat sebenar. Kita sendiri sebagai pemimpin mesti yakin bahawa kita betul. Kita sudah membuat kebaikan untuk bangsa, negara, dan agama, buktinya amat banyak sekali. Malahan, kelompok yang menentang kita itu sebenarnya adalah kumpulan yang menerima. Cuma dengan sikap begitu mereka menidakkan jasa kita, tetapi jika diselami hati nurani masing-masing, mereka tahu mereka mendapat faedah kerana perjuangan Umno. Kita mesti berani, kita berani kerana benar.

BH: Akhir sekali, apa harapan Tan Sri?

Muhyiddin: Apa yang saya harapkan ialah barisan yang baru terpilih, bersama dengan ucapan bersemangat yang diberikan presiden dan kepercayaan yang diberikan perwakilan, dapat berjuang sebagai satu pasukan yang mantap. Bagi diri saya, saya sudah berikrar akan bekerja kuat dan memberi sokongan penuh kepada pemimpin parti. Saya bersedia memikul tugas, malah ketika waktu saya tiada di dalam MT pun saya tetap bertugas. Saya harapkan kerjasama daripada semua ahli parti dan dengan bimbingan presiden, saya yakin kita dapat lakukan tanggungjawab dengan baik dan mencapai matlamat kita mengembalikan imej kita dan maruah kita dikalangan orang Melayu.

(END)